

**SYARAT DAN TERMA UNTUK PERMOHONAN
QUALITY ASSESSMENT SYSTEM IN CONSTRUCTION (QCLASSIC)**

Tarikh : 23 Februari 2006

1. Pemohon perlu kemukakan kepada Unit Standard & Kualiti, Bahagian Pembangunan Teknologi Binaan, Ibu Pejabat CIDB Malaysia dokumen seperti berikut :-

1) Borang Permohonan QCLASSIC (QCLASSIC/05/F1) yang lengkap dengan:-

- Bagi kontraktor, salinan Sijil Perakuan Pendaftaran daripada CIDB.
- Bagi pemaju, salinan Lesen Pemaju Perumahan daripada Kem. Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) yang disahkan sebagai 'salinan benar' oleh KPKT atau pesuruhjaya sumpah.
- Bagi orang perseorangan, salinan geran lot berkenaan yang disahkan sebagai 'salinan benar' oleh badan yang mengeluarkan geran tersebut atau pesuruhjaya sumpah.
- Surat Tawaran Projek
- Perakuan Untuk Permohonan Quality Assessment System In Construction (QCLASSIC)
- Pelan Lokasi Tapak
- Program Pembinaan
- 'Structural (Layout Plan)'
- 'Architectural (Layout Plan)'

2) Dokumen Syarat Dan Terma Untuk Permohonan Quality Assessment System In Construction (QCLASSIC) bertarikh 22 Februari 2006 yang telah dibaca dan ditandatangani oleh pemohon di setiap muka surat.

2. Kerja penilaian hendaklah dibuat oleh pegawai CIDB yang dinamakan dalam Surat Pemakluman Untuk Penilaian QCLASSIC yang akan dikeluarkan oleh Pegawai Kanan, Bahagian Pembangunan Teknologi Binaan, CIDB Malaysia kepada pemohon. Pemohon hendaklah mengatur kerja di tapak bina supaya CIDB dapat menjalankan kerja penilaian pada tarikh, tempat dan masa yang telah ditetapkan. Sekiranya pemohon gagal mengatur kerja di tapak bina supaya CIDB dapat menjalankan kerja penilaian pada tarikh, tempat dan masa yang telah ditetapkan, CIDB tidak akan meneruskan kerja penilaian tersebut. CIDB akan mengeluarkan semula Surat Pemakluman Untuk Penilaian QCLASSIC bagi menetapkan tarikh dan masa baru untuk penilaian semula.

BPTB/ QLASSIC/ Syarat dan Terma Untuk Permohonan

3. Semasa kerja penilaian dijalankan, gambar akan diambil sebagai bahan bukti sekiranya terdapat sebarang pertikaian berhubung kerja penilaian tersebut. Pemohon hendaklah memastikan bahawa kerja penilaian oleh CIDB dapat dijalankan dengan lancar. Sekiranya berlaku kelewatan yang berpunca daripada pemohon, ianya perlu ditangani oleh pemohon dalam masa 2 (dua) jam daripada kelewatan tersebut mula berlaku. Sekiranya kelewatan tersebut gagal ditangani dalam masa yang ditetapkan, CIDB tidak akan meneruskan kerja penilaian tersebut. CIDB akan mengeluarkan semula Surat Pemakluman Untuk Penilaian QLASSIC bagi menetapkan tarikh dan masa baru untuk penilaian semula.
4. Wakil tapak yang dinyatakan dalam Borang Permohonan QLASSIC yang berkenaan perlu menyaksikan kerja penilaian yang dibuat CIDB. Sekiranya wakil tapak tersebut tidak dapat hadir, maka seorang pengganti perlu dinamakan.
5. Skop penilaian yang akan dibuat oleh CIDB bergantung kepada Pakej yang dipilih oleh pemohon dalam Perakuan Untuk Permohonan Quality Assessment System In Construction (QLASSIC).
6. Wakil tapak perlu menandatangani Borang Penilaian (QA1, QA2 dan QA3) setiap kali selepas CIDB siap membuat kerja penilaian di tapak bina.
7. Bagi projek pembinaan yang telah siap menjalani kerja penilaian, pegawai penilai yang berkenaan akan menyediakan laporan penilaian untuk projek tersebut. Laporan penilaian akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian QLASSIC untuk penyemakan dan pengesyoran. Selepas Jawatankuasa Penilaian QLASSIC memberi pengesyoran, Surat Pemakluman Mengenai 'QLASSIC Score' akan dikeluarkan kepada pemohon oleh Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Teknologi Binaan. Surat ini akan dikeluarkan 2 (dua) minggu sebelum Sijil QLASSIC boleh dikeluarkan oleh CIDB. Sekiranya pemohon tidak bersetuju dengan 'QLASSIC Score' yang telah disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian QLASSIC, maka pemohon boleh membuat rayuan kepada Ketua Eksekutif CIDB Malaysia dalam tempoh 2 (dua) minggu daripada tarikh Surat Pemakluman Mengenai 'QLASSIC Score' tersebut. Keputusan oleh Ketua Eksekutif CIDB adalah muktamad.
8. CIDB berhak untuk menggunakan atau menerbitkan butiran dalam Sijil QLASSIC yang akan dikeluarkan oleh CIDB kepada pemohon untuk apa-apa tujuan bagi membangunkan industri pembinaan Malaysia.

BPTB/ QCLASSIC/ Syarat dan Terma Untuk Permohonan

9. Sekiranya pemohon membatalkan kerja penilaian yang telah ditetapkan atau CIDB tidak dapat meneruskan kerja penilaian disebabkan perkara dalam no. 2 atau disebabkan kelewatan yang dinyatakan dalam perkara no. 3, pemohon tersebut perlu membayar kepada CIDB kos berikut: -

- 1) Perjalanan
- 2) Penginapan
- 3) Tempat letak kereta/Tol

Kos untuk CIDB membuat penilaian semula tidak perlu dibayar oleh pemohon.

10. Pemohon perlu memastikan bahawa kawasan tapak bina yang akan dibuat kerja penilaian oleh CIDB berada dalam keadaan selamat.

11. Pemohon perlu mengambil langkah yang diperlukan dari aspek peralatan, kelengkapan atau lain-lain yang berkaitan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pegawai CIDB semasa kerja penilaian dijalankan.

Nota :-

CIDB berhak untuk membuat pindaan kepada syarat dan terma yang ditetapkan ini dari masa ke semasa (sekiranya difikirkan perlu). Pemohon hendaklah mematuhi pindaan yang dibuat oleh CIDB. Sekiranya pemohon tidak dapat mematuhi pindaan tersebut, penilaian QCLASSIC tidak akan dijalankan.